

PENGLONAN PEMBIAKAN MANUSIA DAN PERUBATAN DARI PERSPEKTIF HUKUM SYARA'.¹

Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.

Pendahuluan.

Isu pengklonan pembiakan manusia telah mula timbul dan diperkatakan oleh masyarakat dunia ekoran isu pengklonan manusia yang berlaku di Barat pada lewat tahun 2002. Ia telah menimbulkan polemik dan beberapa persoalan yang agak rumit terutama dari sudut agama, akhlak dan nilai-nilai kehidupan manusia secara keseluruhannya.

Presiden Pengklonan Manusia (*Clonaid*), Dr. Brigitte Boisselier, yang bertanggungjawab 'melahirkan' seorang bayi yang dinamakan Eve, pada 26 Disember 2002 lalu, menyifatkan kelahiran bayi itu sebagai suatu rahmat. Kelahiran bayi itu, katanya, bukan saja menggembirakan ibu bapa bayi terbabit malah memberi harapan kepada pasangan yang bermasalah untuk mendapatkan anak. Eve dikatakan diklon daripada ibunya, seorang warga Amerika Syarikat berusia 31 tahun. Pengklonan Eve dilakukan selepas wanita itu dan suaminya gagal mendapat anak.

Walaupun ramai yang mempertikaikan kesahihan dakwaan saintis ini (yang mempercayai bahawa manusia dijadikan oleh makhluk asing atau aliens), kelahiran Eve sebenarnya menandakan bermulanya satu era baru dalam kelahiran manusia. Kelahiran pertama seorang bayi hasil dari pengklonan manusia ini jelas tidak mengikut hukum fitrah atau kejadian asal manusia oleh Allah s.w.t. yang tidak berlaku menerusi percampuran lelaki dan perempuan, persenyawaan air mani dan telur, sebaliknya ditambah melalui mana-mana sel badan manusia untuk menghasilkan penduaan.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Penolong Pendaftar Nikah Daerah Hulu Selangor, 28 November 2007, Petaling Jaya, Selangor.

Teknologi klon bukan sesuatu yang baru dalam dunia hari ini. Pengklonan dilakukan secara meluas khususnya dalam bidang pertanian melalui pengkulturan tisu, contohnya getah klon, durian malah kelapa sawit klon. Klon adalah replika atau pendua (fotostat) daripada sesuatu organisme.

Seperti teknik pengklonan biri-biri yang dilakukan oleh Dr. Ian Wilmut, saintis di Institut Roslin di Edinburgh, Britain, pengklonan manusia atau mana-mana organisme boleh dicipta dengan memindahkan nukleus (yang membawa maklumat genetik) daripada sel organisme yang dipilih ke dalam telur yang belum disenyawakan. Nukleus telur itu dibuang, diganti dengan nukleus terpilih tadi dan dibiarkan menjalani proses persenyawaan tanpa menggunakan sperma (sel membahagi dan membiak di dalam makmal). Sel yang elok kemudian dipilih, dimasukkan ke dalam rahim ibu tumpang dan kemudian menjadi janin. Klon yang dihasilkan ini menyamai atau hampir menyamai organisme asal. Paling tidak, klon yang terhasil ini mewarisi 90% ciri organisme asal (penderma) dan turut membawa ciri-ciri (DNA) ibu tumpang.

Manusia klon adalah seperti pasangan kembar kepada penderma, cuma ia dilahirkan lewat berbanding kembarnya. Seperti pasangan kembar seiras normal, manusia klon ini dan pendermanya mempunyai cap jari yang berbeza.

Hakikatnya, pengklonan manusia memang bukan sesuatu yang mustahil. Apa yang perlu ialah pengetahuan, kepakaran dan peralatan yang lengkap. Namun, perlukah ia dilakukan? Apakah kebaikan menghasilkan manusia klon ini? Tidakkah ia melanggar ketentuan Tuhan, yang menetapkan bahawa kelahiran manusia atau keturunannya melalui institusi perkahwinan.

Pelopor teknologi genetik, Prof. James Watson², pernah berkata, teknologi genetik memungkinkan penciptaan manusia luar biasa (*super human*) atau

² Prof. Watson bertanggungjawab membongkar rahsia struktur molekul asid deoksiribonukleik (DNA) – bahan yang membawa pelbagai maklumat genetik organisme – lebih 45 tahun lalu, bersama-sama Francis Crick.

human monster (makhluk ganjil). Pengubahsuaian (manipulasi) atau penjuruteraan gen yang dilakukan ke atas organisme klon akan melahirkan organisme yang mempunyai nilai tambahan.

Jelas ternyata bahawa pengklonan boleh melahirkan manusia tanpa ikatan perkahwinan yang sah atau tanpa berlaku percampuran antara benih lelaki dan perempuan. Perbuatan mengklon manusia dilihat sebagai usaha manusia untuk bertindak luar daripada peraturan yang ditentukan Allah s.w.t. iaitu kelahiran manusia atau keturunannya melalui perkahwinan. Perbuatan pengklonan akan melahirkan satu generasi manusia yang cuba merendah-rendahkan kejadian manusia yang dimuliakan Allah s.w.t. Pengklonan akan melahirkan generasi manusia yang boleh mencipta manusia dan akan melahirkan manusia yang akan menafikan kekuasaan Allah. Perbuatan ini menyebabkan manusia berasa dirinya mempunyai kuasa dan mampu untuk mencipta serta menentukan kejadian manusia lain menurut kehendak dirinya.

Ini akan menyeret manusia kepada kesesatan akidah kerana mereka beranggapan bahawa manusia juga boleh mencipta manusia, sama seperti kekuasaan Allah mencipta kejadian alam ini. Pengklonan membuatkan seseorang wanita tidak memerlukan lelaki atau seorang isteri tidak memerlukan suami kerana wujud anggapan dia boleh melahirkan anak tanpa perlu kepada perkahwinan dan pembentukan keluarga. Antara persoalan yang timbul adalah berkaitan taraf anak yang dihasilkan. Dalam proses pengklonan yang tidak memerlukan kewujudan sperma untuk melahirkan seorang bayi, persoalan akan timbul mengenai status DNA. Jika ia datang daripada suami keluarga terbabit, adakah si suami akan dianggap sebagai bapa kepada anak klon itu atau sebagai kembarnya?

Ini adalah perkara yang sangat berat dalam Islam kerana status nasab keturunan akan membabitkan pelbagai komplikasi dalam amalan kekeluargaan. Siapakah yang akan mewalikan pernikahan anak itu? Bagaimana hukum hakam hubungannya dengan ibu bapa dan keluarga?

Definisi Pengklonan Manusia.

Perkataan 'klon' berasal dari bahasa Yunani iaitu '*klwn*' yang bermaksud tunas.³ Definisi ini menggambarkan keadaan asal proses pengklonan di mana ianya adalah proses pembiakan yang normal di kalangan tumbuh-tumbuhan dan sel-sel mikro-organisma.⁴ Cara pembiakan ini juga dipanggil '*vegetative reproduction*' atau pembiakan tumbuh-tumbuhan.⁵ Oleh kerana cara pembiakan ini tidak melibatkan apa-apa perlakuan seks, ia dikategorikan sebagai '*asexual reproduction*' iaitu pembiakan tanpa seks.

Menurut Hussain Fadhlullah dalam bukunya *al-Istinsakh; Jadal al-Ilmi wa al-Din wa al-Akhlak* menyatakan, pengklonan adalah pembentukan makhluk bernyawa sama seperti kejadian asal dan dari segi bentuknya ia seperti kebar. Pengklonan akan melahirkan manusia tanpa perkahwinan atau tanpa berlaku percampuran antara benih lelaki dengan perempuan. Dalam erti kata lain, anak pengklonan dihasilkan tanpa mempunyai bapa.

Jenis Pengklonan.

Kaedah atau teknik pengklonan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu:

- i. Pengklonan janin atau embrio (*embryo cloning*).
- ii. Pengklonan dengan menggunakan teknik pemindahan nukleus (*nucleus transfer technology*).

Pada hakikatnya, kaedah pengklonan pertama (pengklonan janin atau embrio) telah bertahun-tahun digunakan ke atas haiwan ternakan bagi menghasilkan ternakan yang lebih kuat bakanya. Eksperimen juga pernah dijalankan ke atas janin manusia dengan menggunakan kaedah ini.⁶

³ Beddington, Rosa. Mill Hill Essays 1997. [12 para] National Institute for Medical Research [Online], 13 November 1998.

⁴ Bernstein, Ruth & Stephen, 1982. *Biology: The Study of Life*. New York: Harcourt Brace Javanovich Inc. m.s. 542.

⁵ Contoh vegetative reproduction adalah apabila sesuatu tumbuhan dipatahkan dari pokok asal, ia masih boleh membesar sebagai tunas baru tanpa perlu melalui proses pembiakan yang memerlukan persenyawaan.

⁶ Abdul Majeed, Abu Bakar. 1999. 'Pengklonan Manusia – Mencabar Ketentuan Tuhan?' Sudut Pandangan Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Menurut para saintis, pengklonan janin amat penting kerana beberapa sebab. Antaranya, ia dapat membantu meningkatkan pengetahuan manusia tentang pembiakan sel kanser dan lain-lain penyakit genetik seperti *parkinson* dan *cystic fibrosis*, yang membahagi pada kadar yang serupa dengan pembahagian sel-sel janin.⁷ Dengan adanya kaedah pengklonan janin ini, saintis tidak lagi perlu bergantung kepada janin-janin yang diambil dari klinik-klinik kesuburan untuk melakukan uji kaji. Ia juga dapat mengurangkan penggunaan janin-janin asal.

Kaedah pengklonan jenis kedua iaitu teknik pemindahan nukleus (*nucleus transfer technology*) ini agak sensasi kerana sebelum tahun 1997, apabila saintis mengumumkan tentang kaedah yang digunakan bagi mencipta seekor kambing yang dinamakan Dolly, belum pernah seekor mamalia dilahirkan hasil daripada penggunaan teknik tersebut.

Pandangan Islam Mengenai Isu Pengklonan Manusia.

Dari sudut aqidah, pengklonan akan menyebabkan wujudnya pertentangan terhadap tujuan Allah s.w.t. menjadikan manusia serta meningkatkan darjat mereka kepada sebaik-baik kejadian. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. melalui firman-Nya dalam surah al-Furqan, ayat 54 yang bermaksud:

Dan Dialah yang menciptakan manusia daripada air, lalu dijadikan-Nya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan); dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendaki-Nya).

Perbuatan pengklonan lebih dilihat kepada usaha manusia untuk bertindak luar daripada peraturan yang telah ditentukan Allah s.w.t. iaitu kelahiran manusia atau keturunannya melalui perkahwinan. Ia juga sebagai satu usaha manusia untuk keluar daripada peraturan hidup yang dicipta oleh Allah s.w.t.

⁷ Evans, Donald. (Ed). 1996. *Concieving The Embryo, Ethics, Law and Practice* ini *Human Embryology*. The Netherlands: Marinus Nijhoff Publishers. m.s. 300.

Ia amat bersesuaian dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Tin, ayat 4 yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).

Pengklonan akan melahirkan satu generasi manusia yang cuba untuk merendah-rendahkan kejadian manusia yang dimuliakan oleh Allah s.w.t. Pengklonan juga akan melahirkan generasi manusia yang boleh mencipta manusia, seterusnya akan lahir manusia yang akan menafikan kekuasaan Allah s.w.t. Perbuatan seperti ini amat bertentangan dengan aqidah Islam serta mencabar kesucian dan kebenaran ayat al-Quran kerana perbuatan seperti ini adalah menyamakan manusia dengan taraf haiwan yang boleh dijadikan sebagai barang kajian.

Dalam isu ini, perlu jelas dinyatakan bahawa ilmu yang bersangkutan dengan alam rahim adalah urusan Allah, tiada makhluk yang mengetahuinya. Ia bersandarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ra'd, ayat 8 yang bermaksud:

Allah mengetahui akan apa yang dikandung oleh tiap-tiap ibu dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu atau yang lebih. Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan disisi-Nya dengan kadar yang tertentu.

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam buku himpunan fatwa yang disusunnya bertajuk *Fatawa Mua'sarah* (edisi Arab jilid pertama) menyatakan bahawa, 'mungkin kita boleh melihat tafsiran ilmu Allah terhadap alam rahim adalah ilmu yang tafsili (terperinci). Ia merangkumi perincian alam rahim seperti janin akan hidup atau mati, cerdik atau bodoh, lemah atau kuat, bahagia atau derita dan seterusnya. Sedangkan manusia hanya berkeupayaan mengetahui sama ada janin tersebut lelaki atau perempuan'.⁸

⁸ Fatawa Mu'asarah, Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Beirut, m.s. 576.

Perbuatan pengklonan akan menyebabkan manusia merasai dirinya mempunyai kuasa dan mampu untuk mencipta serta menentukan kejadian manusia lain menurut kehendak dirinya. Kepercayaan seperti ini bertentangan dengan aqidah Islam yang meyakini bahawa hanya Allah s.w.t. sahaja yang mengetahui perkara yang zahir dan tersembunyi. Malahan hanya Allah s.w.t. sahajalah yang mempunyai kekuasaan dan kehendak dalam menentukan apakah nasib yang akan menimpa diri seseorang manusia bermula dari alam rahim sehinggalah hari kematiannya.

Sementara itu, sebarang dakwaan bahawa manusia berupaya menentukan jantina janin boleh dianggap mencampuri urusan Allah yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Dengan hikmah-Nya, Allah s.w.t. telah menentukan segala-galanya bagi sesuatu janin. Ia menjadi salah satu dalil kewujudan Allah s.w.t. berdasarkan firman-Nya dalam surah al-Syuura, ayat 49 yang bermaksud:

Bagi Allah jumlah hak milik segala yang ada dilangit dan di bumi. Dia menciptakan apa yang Dia kehendaki. Dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan mengurniakan anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

Islam menetapkan dalam hati umatnya bahawa hanya Allah sahaja yang layak mentadbir perjalanan alam semesta ini. Ia ditadbir oleh Allah, Tuhan yang Maha Berkuasa tanpa sesiapa pun yang layak menyaingi kekuasaan-Nya. Justeru, perbuatan pengklonan akan menyeret manusia kepada kesesatan aqidah kerana mereka beranggapan bahawa manusia juga boleh mencipta manusia, sama seperti kekuasaan Allah s.w.t. mencipta kejadian alam ini dan segala isinya.

Dari sudut syariah, Dr. Nasr Farid Wasil, Mufti Mesir, pada sidang akhbarnya 30 Jun 2001 menegaskan bahawa pengklonan manusia tidak harus pada pandangan syarak kerana menjejaskan beberapa perkara, termasuk hukum-hakam, kesihatan, kemasyarakatan dan perundangan.

Katanya, perbuatan mengklon bukan untuk kebaikan dan maslahat manusia sebaliknya akan membawa kecelakaan kepada manusia keseluruhannya.⁹

Pada waktu yang sama, beliau menegaskan bahawa manusia tidak harus dijadikan bahan eksperimen atau percubaan seperti mana yang dilakukan terhadap tumbuh-tumbuhan, haiwan dan batu-batan. Ini kerana Allah s.w.t. telah memuliakan serta mengangkat darjat manusia melebihi makhluk-Nya yang lain. Allah s.w.t. telah melantik manusia sebagai khalifah-Nya di muka bumi dan manusia telah dijadikan lebih mulia daripada segala makhluk yang lain.

Kejadian manusia bermula daripada tanah kemudian ditiupkan roh sehinggalah sempurna kejadiannya. Mereka kemudian dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas agama. Justeru, pengklonan manusia sebagaimana yang dilakukan ke atas binatang akan menjadikan manusia sama seperti binatang, sedangkan Allah s.w.t. menjadikan manusia dengan sempurna dan diberi tanggungjawab untuk mentadbir dunia ini dengan sebaik-baiknya.

Islam tidak menegah dan tidak menentang pengklonan sel manusia jika untuk kebaikan. Contohnya, pengklonan yang dilakukan kepada sel manusia yang boleh dijadikan bahan untuk mengubati penyakit dengan syarat ia tidak menyebabkan berlaku percampuran keturunan.

Persoalan hukum pengklonan juga perlu dilihat kepada dua aspek, iaitu *dharuriyyah* dan *tahsiniyyah*. Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Singapura mengeluarkan fatwa yang mengharuskan pengklonan bagi menghasilkan organ gantian untuk kajian perubatan atau menggantikan organ yang telah rosak kerana ia termasuk dalam perkara *dharuriyyah*.

Walaupun para saintis masih diperingkat percubaan dan kajian dalam bidang ini, ia mungkin akan menjadi kenyataan pada masa hadapan.

⁹ <http://www.awkaf.net/islamic-news/story.cgi>.

Sekiranya usaha ini berjaya, seseorang yang mengalami sakit jantung atau ginjal mungkin tidak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan ganti bagi jantung atau ginjal yang telah rosak. Ini kerana, ia boleh dihasilkan dengan menggunakan DNANYa sendiri. Oleh kerana organ-organ tersebut dihasilkan daripada DNANYa sendiri, maka ia tidak menghadapi masalah ketidaksesuaian.

Proses pengklonan organ seperti itu dibolehkan kerana ia memberi kebaikan kepada manusia tanpa melanggar sebarang larangan agama. Walaubagaimana pun, perlu diambil perhatian bahawa pekara tersebut tidak harus dilakukan untuk tujuan mencari keuntungan dan penyelewengan.

Para saintis menyatakan, bahawa faedah yang bakal diperolehi daripada pengklonan DNA dewasa menjanjikan pelbagai kebaikan dalam bidang perubatan dan tidak patut dihentikan. Menurut mereka, ia berbeza daripada pengklonan untuk tujuan reproduksi. Antara faedah yang dijanjikan termasuklah:

- i. Bagi memperoleh '*stem cell*' yang akan membantu pertumbuhan sel baru;
- ii. Bagi mencipta organ-organ penting;
- iii. Membantu mengubati pesakit-pesakit yang memerlukan pemindahan air tulang sum-sum;
- iv. Membantu meningkatkan pengetahuan tentang penyakit genetik.

Sekiranya pengklonan itu dilakukan untuk tujuan *tahsiniyyat* (memperelokkan) seperti untuk mengubah warna kulit daripada warna hitam kepada putih atau mengubah warna mata atau ukuran tubuh seseorang, maka ini tidak diharuskan oleh syara'. Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam bukunya *Halal dan Haram Dalam Islam* menyatakan, Islam menentang sikap berlebih-lebihan dalam berhias yang sampai kepada tahap merubah ciptaan Allah.

Demikian pula dari **sudut kemasyarakatan**, pengklonan manusia akan mengganggu sistem keturunan dan kesucian sistem kekeluargaan. Anak yang

dilahirkan hasil daripada kasih sayang ibu bapa akan terjaga kebajikan, urusan kehidupan dan tempat pergantungannya. Sebaliknya, anak yang dilahirkan hasil dari pengklonan siapakah yang akan mengawasi kehidupan awalnya seperti tahap kesihatan dan pendidikannya? Dari aspek anak klon itu sendiri, apa pula tanggungjawabnya terhadap ibu bapa, keluarga dan masyarakat? Sesungguhnya pengklonan manusia jelas boleh meruntuhkan sistem kekeluargaan yang telah ditentukan fitrahnya oleh Allah s.w.t. serta menyimpang jauh daripada tatasusila kehidupan berkeluarga.

Pengklonan juga akan mendorong seseorang wanita tidak memerlukan lelaki atau seseorang isteri tidak memerlukan suami kerana wujudnya perasaan dan keyakinan bahawa ia boleh melahirkan anak tanpa perlu kepada perkahwinan dan pembentukan keluarga. Jika ini berlaku, keluarga yang akan terbentuk nanti pasti berbeza daripada keluarga yang telah sedia ada kini. Dengan itu, akan lahirlah satu keadaan atau corak hidup masyarakat yang lari daripada fitrah manusia dan alam.

Bagi wanita yang tidak berkahwin, mereka juga tidak dibenarkan menggunakan kaedah ini bagi membolehkan mereka mendapatkan anak. Ia akan menambahkan masalah ibu tunggal dan menafikan hak seorang anak untuk mendapat kasih sayang dari seorang lelaki yang bergelar bapa. Perkara yang paling membimbangkan adalah apabila sampai ke suatu peringkat, lelaki tidak lagi diperlukan kerana melalui kaedah ini, pembiakan manusia tidak lagi melalui sperma. Perhubungan intim atau seksual antara lelaki dan wanita hanya menjadi permainan untuk memenuhi keperluan nafsu manusia. Di samping itu, pembiakan cara ini akan melemahkan makhluk yang bernama manusia dan mendedahkannya kepada kepupusan. Ini disebabkan ketiadaan homogeniti akan menyebabkan sesuatu populasi itu lemah secara genetik.

Jelas bahawa perkahwinan merupakan satu-satunya jalan yang diiktiraf bagi melahirkan zuriat manusia yang suci. Dalam perkara ini, sekiranya pengklonan manusia dibenarkan dalam institusi keluarga, kekeliruan pasti akan berlaku tentang taraf anak yang 'dihasilkan'. Dalam proses pengklonan yang tidak memerlukan kewujudan sperma untuk melahirkan seorang bayi,

persoalan akan timbul tentang status penderma DNA. Sekiranya ia datang daripada suami dalam keluarga tersebut, adakah si suami akan dianggap sebagai bapa kepada anak klon tersebut atau sebagai kembarnya? Perkara ini merupakan sesuatu yang amat berat dalam Islam kerana status nasab keturunan akan melibatkan pelbagai komplikasi dalam amalan kekeluargaan. Akibatnya, tiada ikatan kekeluargaan yang mengikat dari segi undang-undang atau hukum syara'. Ini bukan sahaja akan menafikan hak si anak malah akan menimbulkan komplikasi sekiranya si ibu atau bapa tidak lagi ingin bertanggungjawab terhadap anak tersebut.

Implikasi Pengklonan Manusia Melalui Perspektif Hukum.

Islam menjamin sesebuah keluarga supaya bersih daripada unsur-unsur ketidaktentuan dan ketidakpastian. Peraturan kekeluargaan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. adalah bagi menjamin urusan yang berkaitan dengan pemberian nafkah, perwalian, nasab serta perwarisan berjalan seperti mana yang dituntut oleh syara'.

Dari segi nafkah, siapakah yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anak tersebut. Ini kerana anak yang diklon bukanlah dilahirkan dari perkahwinan yang sah. Ia tidak mempunyai bapa yang sepatutnya bertanggungjawab memberi nafkah kepada anak tersebut. Secagai contoh, proses pengklonan bertujuan melahirkan baka dengan menggunakan DNA bapa sahaja atau DNA ibu sahaja, bukan DNA kedua-dua pasangan tersebut yang terhasil melalui percantuman sperma bapa dan ibu melalui perkahwinan yang sah.

Dari segi saintifik, status anak yang dilahirkan hasil daripada kaedah pengklonan sebenarnya bukanlah 'anak' kepada pemberi nukleus terbabit. Sebaliknya, klon yang dihasilkan adalah 'kembar seirasnya' yang dilahirkan pada waktu yang terlewat oleh orang yang berbeza. Dengan sebab itu, jika nukleus diambil daripada bapa, pada hakikatnya ia bukanlah 'bapa' kepada anak tersebut tetapi adalah kembar awal kepada anak tersebut. Ini

seterusnya menimbulkan implikasi terhadap status perwalian, nafkah, harta pusaka, penentuan aurat dan sebagainya.

Jika ovum wanita lain pula digunakan dalam proses pengklonan tersebut, lebih banyak lagi masalah yang akan timbul. Selain daripada kesamaran status suami dengan anak tersebut, status penderma telur juga boleh dipertikaikan. Malah status ibu yang mengandungkan anak itu juga dalam kesangsian. Kesamaran ini akan lebih terserlah jika diamati firman Allah s.w.t. dalam surah an-Nisaa', ayat 1 yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam) dan yang telah menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dan menyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

Begitu juga firman Allah s.w.t. dalam surah al-Furqan, ayat 54 yang bermaksud:

Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia daripada air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan) dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa yang Dia kehendaki-Nya).

Dari segi perwalian nikah, keadaan ini akan menjadi rumit ketika anak tersebut akan berkahwin. Siapakah yang sepatutnya menjadi wali nikahnya jika anak tersebut perempuan. Bagaimana pula hubungannya dengan kaum kerabat yang lain seperti adik-beradik, ipar dan sebagainya. Apakah batas pergaulan yang sepatutnya antara anak klon dengan bukan mahramnya.

Dari segi nasab, anak klon juga akan menghadapi masalah yang sama. Anak klon tidak dapat diangkat untuk menjadikannya sebagai anak sendiri. Kita tidak boleh menjadikan anak klon sebagai kerabat, nasab atau sebagai anak kandung. Anak yang dihasilkan melalui pengklonan tidak dapat menzahirkan perasaan sebagai seorang anak pada dirinya dan perasaan kebapaan pada diri orang lain. Ia tidak dapat mewarisi keistimewaan-keistimewaan khusus dari 'bapa' nya dan ciri keluarga sama ada dari aspek jasmani, intelek mahu pun kejiwaannya.

Dari segi pusaka, oleh kerana anak klon tidak mempunyai hubungan darah dan kerabat yang sebenarnya, maka ia tidak berhak mendapat pusaka atau menjadi sebab untuk ia memperolehi warisan (tidak boleh mewarisi dan diwarisi). Apakah ukuran syara' yang boleh dibuat kepada anak klon bagi membolehkannya memperolehi harta pusaka?

Kebimbangan ini tidak terhad kepada soal agama dan nilai kekeluargaan semata-mata. Wilmut, saintis yang bertanggungjawab 'melahirkan' Dolly (seekor biri-biri) menyifatkan perbuatan mengklon manusia sebagai 'menjengkelkan', sesuatu yang tidak seharusnya dilakukan kerana ia akan menjurus kepada peningkatan kes keguguran dan kematian di kalangan bayi yang baru lahir.

Saintis juga kkuatir dengan risiko dalam aspek perubatan dan pelbagai ketidakpastian yang lain. Satu daripadanya ialah bayi yang diklon akan mempunyai kromosom yang sepadan dengan usia penderma. Bermakna bayi atau kanak-kanak klon berusia 5 tahun akan kelihatan seperti 10 tahun dan yang berusia 10 tahun akan kelihatan seperti berusia 20 tahun, di samping berpotensi untuk mendapat penyakit jantung dan kanser.

Penutup.

Kesimpulan yang dapat dibuat, perbuatan pengklonan manusia ini sangat memberi kesan dalam pelbagai aspek terutamanya aspek aqidah dan syariah. Dari aspek aqidah, ia akan menyebabkan timbulnya kepercayaan bahawa

manusia tidak lagi memerlukan adanya Tuhan atau mempercayai kekuasaan Tuhan. Ini kerana manusia akan mendakwa mereka juga boleh mencipta manusia malah boleh memilih bentuk dan jenis manusia yang mereka kehendaki.

Dalam masa yang sama, kaedah ini juga amat bertentangan dengan syariah dan tatasusila kehidupan manusia yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. Dikhuatiri akan wujud pada suatu masa nanti sistem kekeluargaan yang bercelaru apabila anak, ibu, bapa, datuk, nenek dan sebagainya akan terhapus dan lenyap. Dengan demikian, urusan kekeluargaan yang lain juga seperti perkara berkaitan nafkah, pusaka, perwalian dan sebagainya akan turut bercelaru.